

## Sepintas lalu

- Tan Sri Tajudin Ramli melalui Naluri Bhd. pada tahun 1994 membuat pinjaman RM1.79 bilion untuk membeli 32 peratus kepentingan dalam MAS pada harga RM8 sesaham, di atas harga pasaran RM3.50.
- Pada tahun 1998, ekoran krisis kewangan Asia, pinjaman Tajudin telah menjadi tak-terlaksana sehingga diambilalih oleh Danaharta. Ini termasuk sekuriti-sekuriti Naluri dan TRI yang telah dicagarkan oleh Tajudin kepada pihak bank.
- Kerajaan membeli semula kepentingan MAS daripada Naluri pada harga RM8 sesaham (di atas harga sekitar RM3) dan tindakan itu telah dikritik.
- Tajudin dan Danaharta cuba untuk mencapai penyelesaian tetapi gagal. Danaharta kemudian menjual saham-saham Naluri dan TRI.
- Mei 2006, Danaharta menyaman Tajudin untuk mendapat semula baki RM589 juta.
- 29 Jun 2006, Tajudin mengemukakan tuntutan balas terhadap Danaharta dan 23 defendan yang lain untuk menuntut RM13.46 bilion. Tajudin mendakwa pembelian MAS adalah atas arahan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Daim Zainuddin dan diberi jaminan beliau tidak akan mengalami kerugian kewangan atau tanggungan.

# Tajudin saman balas ganti rugi RM13.46 bilion

Oleh AMIRUDOIN HARUN

**KUALA LUMPUR** 6 Julai - Tokoh korporat, Tan Sri Tajudin Ramli memfailkan saman terhadap 24 defendan bagi menuntut ganti rugi RM13.46 bilion.

Saman tersebut merupakan tuntutan balas terhadap saman yang diterimanya daripada Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. dan dua anak syarikatnya, Danaharta Urus Sdn. Bhd. dan Danaharta Managers Sdn. Bhd. bagi menuntut hutang berjumlah RM589 juta.

Dalam saman yang difailkan pada 11 Mei lalu, Danaharta menuntut pembayaran hutang itu yang merupakan baki kepada pinjaman RM1.79 bilion yang diberikan kepada Tajudin pada 1994 untuk membiayai pembelian 32 peratus saham dalam Sistem Penerbangan Malaysia Bhd. (MAS).

Menurut tuntutan balas itu, Tajudin mendakwa, beliau telah diarah oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin untuk membeli saham MAS bagi membantu Bank Negara Malaysia (BNM) mengatasi kerugian tukaran asing pada tahun 1994.

Dakwanya, walaupun pada awalnya beliau enggan, Dr. Mahathir telah menjelaskan kepadanya ia adalah satu Khidmat Negara dan suatu tanggungjawab sewaktu ekonomi Malaysia menghadapi saat sukar akibat spekulasi mata wang asing oleh



TAJUDIN RAMLI

Mahkamah Tinggi menetapkan 10 Ogos ini untuk mendengar permohonan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. bagi mendapat kebenaran penghakiman terus dalam kes saman tersebut

### Senarai 24 defendan

Berikut ialah senarai 24 defendan yang dinamakan dalam tuntutan saman balas oleh tokoh korporat, Tan Sri Tajudin Ramli

1. Pengurusan Danaharta Nasional Bhd.

(BNM) mengatasi kerugian tukaran asing pada tahun 1994.

Dakwanya, walaupun pada awalnya beliau enggan, Dr. Mahathir telah menjelaskan kepadanya ia adalah satu Khidmat Negara dan suatu tanggungjawab sewaktu ekonomi Malaysia menghadapi saat sukar akibat spekulasi mata wang asing oleh BNM.

Tajudin mendakwa, beliau tiada pilihan kecuali bersetuju untuk meneruskan transaksi itu melalui Naluri Bhd., malahan bekas Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia (GOM) mendesak supaya jualan dijalankan secepat mungkin walaupun beliau tidak mempunyai keupayaan kewangan.

Sebelum memasuki transaksi, telah dipersetujui dan difahami di antara Tajudin, Dr. Mahathir dan GOM bahawa pengambilalihan MAS itu adalah tertakluk dan bersyarat kepada Perjanjian Penguatasaan (Overriding Agreement).

Sebagai balasan persetujuan untuk pembelian 32 peratus pegangan saham dalam MAS pada RM8 setiap saham, GOM antara lain bersetuju:

- Tajudin mahupun Naluri atau syarikat-syarikat peribadi Tajudin tidak akan mengalami kerugian peribadi.

- Tajudin akan dibenarkan menjual semula 32 peratus saham kepada GOM sebaik sahaja krisis ekonomi mendadak yang dialami oleh BNM dan ekonomi Malaysia berakhir.

- Sekiranya tugas tersebut bertukar menjadi 'terlalu besar', GOM akan membeli semula saham-saham MAS dan mengusahakan perancangan supaya tanggungjawab kewangan Tajudin dapat diselesaikan.

- Butir-butir cara untuk melepaskan Tajudin dan syarikat-syarikat peribadinya dan Naluri daripada liabiliti akan diusahakan sewajarnya.

- GOM akan menanggung rugi Tajudin untuk semua kerugian olehnya (dan syarikat-syarikat peribadinya dan Naluri).

Tajudin selanjutnya mendakwa, ekoran daripada krisis ekonomi Asia pada tahun 1997, prestasi MAS terjejas teruk dan ini menyebabkan pinjaman-pinjaman tak-terlaksana bersama semua saham dan jaminan berkaitannya telah diambilalih oleh Danaharta.

Atas permintaan GOM, Tajudin bersetuju bekerjasama dengan Danaharta supaya Danaharta dapat dilihat sebagai telah menjalankan tanggungjawabnya secara terbuka dan telus.

Tajudin bersetuju dengan permintaan GOM atas dasar bahawa GOM akan terikat dengan Perjanjian Penguatasaan dan suatu mekanisme yang adil akan dicapai untuk membebaskannya daripada semua liabiliti yang timbul daripada pengambilan saham-saham MAS dan untuk menanggung kerugian Tajudin.

## Senarai 24 defendan

Berikut ialah senarai 24 defendan yang dinamakan dalam tuntutan saman balas oleh tokoh korporat, Tan Sri Tajudin Ramli

1. Pengurusan Danaharta Nasional Bhd.
2. Danaharta Urus Sdn. Bhd.
3. Danaharta Managers Sdn. Bhd.
4. Mohamad Raslan Abdul Rahman
5. Ooi Woon Chee
6. Gan Ah Tee
7. Kerajaan Malaysia
8. Telekom Malaysia Bhd.
9. Telekom Enterprise Sdn. Bhd.
10. Technology Resources Industries Bhd.
11. Celcom (M) Bhd.
12. Commerce International Merchants Bankers Bhd.
13. Datuk Azman Yahya
14. Datuk Abdul Hamidy Hafiz
15. Datuk Zukri Samat
16. Datuk Kris Azman
17. Naluri Corporation Bhd.
18. Atlan Holding Bhd.
19. Atlan Properties Sdn. Bhd.
20. Multi Esprit Sdn. Bhd.
21. Datuk Seri Adam Sani Abdullah  
(dahulunya Maung Ng We @ Lim Yong Tong @ George Lim)
22. Datuk Ong Kim Hoay
23. Datuk Khalid Mohamad Jiwa
24. Datuk Ong Kar Beau

Beliau kemudiannya memasuki 'Perjanjian Penyelesaian' dengan Danaharta yang diperlukan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Penguatasaan untuk membebaskan semua tanggungannya.

Tajudin turut mendakwa telah mendapat pengesahan Daim sebelum memasuki 'Perjanjian Penyelesaian' bahawa ia adalah penting untuk 'penglihatan' dan bahawa Perjanjian Penguatasaan akan tetap dipatuhi.

Seterusnya, Tajudin mendakwa Danaharta telah menjual 'saham-sahamnya dalam TRI pada harga RM2.75 sesaham kepada Telekom Malaysia.

Jualan tersebut juga, dakwa Tajudin adalah sebahagian daripada konspirasi untuk membolehkan Telekom mengambilalih TRI dengan murah dan kemudian menggabungkan perniagaan komunikasi selular TRI (Celcom) dengan perniagaan komunikasi selular Telekom (TM's Cellular).

Di akhir siri perundingan tersebut, Tajudin mendakwa ia telah menyebabkannya hilang pegangan dalam Naluri Bhd.

Mahkamah Tinggi di sini menetapkan 10 Ogos ini untuk mendengar permohonan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. bagi mendapat kebenaran penghakiman terus dalam kes saman tersebut.

Dalam tuntutan balas yang difailkan bersama pernyataan pembelaan pada 29 Jun lalu, Tajudin menuntut RM6.25 bilion daripada Telekom Malaysia Berhad dan 12 yang lain berhubung penjualan saham Technology Resources Industries Bhd. (TRI) oleh Pengurusan Danaharta Nasional Bhd.

Tajudin turut menuntut ganti rugi RM7.2 bilion daripada kesemua 24 defendan.

Di samping ketiga-tiga syarikat Danaharta terbabit, Tajudin menamakan Mohamad Raslan Abdul Rahman, Ooi Woon Chee, Gan Ah Tee, Kerajaan Malaysia, Telekom Malaysia Bhd., Telekom Enterprise Sdn. Bhd., Technology Resources Industries Bhd. dan Celcom (M) Bhd. sebagai defendan-defendan.

Defendan lain terdiri daripada Commerce International Merchant Bankers Bhd., Datuk A2man Yahya, Datuk Abdul Hamidy Hafiz, Datuk Zukri Samat, Datuk Kris Azman, Naluri Corporation Bhd. (dahulunya Naluri Bhd.).

Yang lain ialah Atlan Holdings Bhd., Atlan Properties Sdn. Bhd., Multi Esprit Sdn. Bhd., Datuk Seri Adam Sani Abdullah (dahulunya Maung Ng We@ Lim Yong Tong @ George Lim), Datuk Ong Kim Hoay, Datuk Khalid Mohamad Jiwa dan Datuk Ong Kar Beau.